


**SISTEM AUDIT
KESELAMATAN DAN
KESIHATAN BAGI
KEMUDAHAN KESIHATAN
KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA**



1.PENDAHULUAN

- Mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Kementerian Kesihatan Malaysia seperti juga lain-lain majikan adalah bertanggungjawab di atas keselamatan dan kesihatan para pekerjanya dan juga orang ramai yang berkunjung untuk mendapatkan perkhidmatan di kemudahan-kemudahan kesihatan termasuk hospital.
- Kementerian Kesihatan mempunyai seramai lebih daripada 200,000 anggota yang terdiri daripada golongan professional, teknikal dan juga anggota sokongan. Mereka ini sentiasa terdedah kepada berbagai-bagai jenis hazard yang terdapat di tempat kerja sama ada hazard fizikal seperti kebisingan, peralatan tajam, hazard biologi seperti darah/cecair yang tercemar dengan bakteria/virus, hazard kimia seperti bahan pelarut, hazard ergonomik seperti mengangkat beban yang berat dan juga hazard psikososial seperti kerja giliran (shiftwork), terlalu banyak kerja dan sebagainya.
- Adalah menjadi tanggungjawab pihak majikan sebagai pihak yang mewujudkan hazard dan risiko serta semua anggota kesihatan sebagai pihak yang mengendalikan hazard dan risiko bekerjasama memastikan tempat kerja mereka adalah tempat yang paling sihat dan selamat.
- Audit keselamatan dan kesihatan adalah satu sistem pengurusan yang proaktif untuk membolehkan sesuatu organisasi menilai pelaksanaan program-program, tatacara amalan dan juga tanggungjawab organisasi berkaitan keselamatan dan kesihatan.
- Ini adalah kerana pengurusan keselamatan dan kesihatan yang baik boleh memberikan faedah kepada semua yang terlibat. Para pekerja akan dapat bekerja di satu tempat kerja yang sihat dan selamat di samping memberi kepuasan dalam menjalankan tugas. Manakala majikan pula akan mendapat faedah melalui pekerja yang sihat dan juga peningkatan produktiviti dan kualiti kerja.

2.OBJEKTIF

2.1 OBJEKTIF UMUM

- Tujuan ia dijalankan adalah untuk mengadakan satu kemudahan kesihatan yang sihat dan selamat setakat yang praktikal melalui satu sistem audit keselamatan dan kesihatan yang dapat mempertingkatkan tahap keselamatan dan kesihatan anggota Kementerian Kesihatan dan juga orang ramai yang berkunjung untuk mendapatkan perkhidmatan di kemudahan-kemudahan kesihatan, KKM.

2.2 OBJEKTIF KHUSUS

- i. Mengadakan satu sistem pemeriksaan bagi menentukan aktiviti/aspek keselamatan dan kesihatan mengikut kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- ii. Mengenalpasti tahap pelaksanaan aktiviti keselamatan dan kesihatan dan juga kebajikan yang telah dijalankan di fasiliti anggota.
- iii. Mengenalpasti tahap kesedaran anggota kesihatan (semua lapisan) berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan iv. Memberi cadangan langkah-langkah penambahbaikan bagi kekurangan yang dikenalpasti.

3.PERLAKSANAAN

3.1. ASPEK PENGAUDITAN

Audit Keselamatan dan kesihatan di kemudahan-kemudahan kesihatan KKM akan merangkumi 4 komponen utama iaitu:

- Pengurusan
- Keselamatan
- Kesihatan
- Kebajikan

Format-format audit dan penerangan terperinci berkaitan aspek-aspek pengauditan adalah seperti di LAMPIRAN 1 hingga LAMPIRAN 9.

3.2. JURUAUDIT

- Bilangan minimum pasukan audit yang membuat pemeriksaan adalah 2 orang. Aktiviti audit akan dijalankan oleh: Pasukan audit peringkat negeri Pasukan audit peringkat daerah

3.2.1. PASUKAN AUDIT NEGERI

a. *Juruaudit peringkat negeri terdiri daripada:-*

- i. Ketua Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (KPAS), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)-Ketua Audit
- ii. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) KPAS Negeri
- iii. PPKP KPAS Daerah (2 orang)
- iv. Jururawat

b. *Peranan juruaudit peringkat negeri:-*

- i. Menjalankan audit Keselamatan dan Kesihatan (K&K) di JKN .
- ii. Menjalankan audit verifikasi mengikut sasaran yang telah ditetapkan.
- iii. Menjalankan audit berdasarkan aduan dalaman dan luaran.
- iv. Menjalankan audit atas arahan pentadbir .
- v. Menganalisa hasil audit dan mengemukakan cadangan penambahbaikan

3.2.2. PASUKAN AUDIT DAERAH

- a. Juruaudit peringkat daerah terdiri daripada ahli audit-
 - Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing.

seperti:-

1. PTJ Hospital - JKKP yang diketuai oleh Pengarah Hospital
2. PTJ PKD - JKKP yang diketuai oleh Pegawai Kesihatan Daerah
3. PTJ Klinik Kesihatan - JKKP yang diketuai oleh Pegawai Yang Menyelia (Y/M) Klinik Pergigian
4. PTJ Makmal - JKKP yang diketuai oleh Pegawai Yang Menyelia (Y/M) Makmal JKKP yang diketuai oleh Pengarah Makmal

b. Peranan pasukan audit ini adalah: -

1. Melakukan audit ditempat kerja
2. Menganalisa hasil audit dan memberi cadangan penambahbaikan
3. Melakukan audit semula mengikut tahap pencapaian audit sebelumnya
4. Menilai tindakan penambahbaikan yang telah dilakukan.

c. Bertanggungjawab kepada Ketua Unit Kesihatan Pekerjaan & Alam Sekitar Negeri untuk: -

1. Menyediakan laporan audit.
2. Mengambil tindakan susulan ke atas saranan pasukan audit negeri

3.2.3. Nota: Ketua Audit boleh melibatkan lain-lain kategori yang berkenaan untuk menyertai pasukan audit mengikut kepakaran yang diperlukan

3.3. PEMARKAHAN DAN KEKERAPAN PENGAUDITAN

- Pengiraan markah akan dibuat berdasarkan kepada:

3.3.1. SKALA PRESTASI

Skala prestasi diklasifikasikan seperti berikut:

- 0 – Tidak memuaskan
- 1 – Memuaskan
- 2 – Baik

3.3.2. "WEIGHTAGE"

3- "**Critical**" bagi perkara-perkara yang boleh menjejaskan kesihatan/keselamatan di bawah peruntukan akta.

2- "**Major**" bagi perkara yang mana kewujudannya boleh mempertingkatkan tahap keselamatan dan kesihatan anggota/ tempat kerja

1- "**Minor**" bagi perkara atau *optional* atau tidak menjejaskan keselamatan/kesihatan anggota/ tempat kerja.

-Pertimbangan berkaitan keperluan ataupun mengklasifikasikan sesuatu tempat kerja adalah sangat penting semasa menjalankan audit ini. Bagi mana-mana perkara yang dirasakan tidak perlu, tandakan **TB** (Tidak Berkenaan) pada ruang yang berkaitan dan abaikan ruang (row) tersebut dalam pengiraan jumlah markah.

-Peratus Markah Keseluruhan

= $\frac{\text{Nilai skala prestasi dicapai} \times \text{"weightage"}}{\text{Nilai maksima skala prestasi} \times \text{"weightage"}} \times 100\%$

Nilai maksima skala prestasi X "weightage"

* Bagi fasiliti kesihatan yang mempunyai makmal, unit radiologi dan stor vector, format khas telah disediakan.

3.4. KEKERAPAN PENGAUDITAN

- Kekerapan untuk melakukan audit adalah seperti berikut:

PERATUS MARKAH	TAHAP PENCAPAIAN	KEKERAPAN AUDIT
Jika markah keseluruhan < 70 %	Tidak memuaskan	Audit dijalankan setahun sekali
Jika markah keseluruhan >70 %	Memuaskan	Audit dijalankan 2 tahun sekali

Walau bagaimanapun, kekerapan untuk melakukan audit ulangan boleh bergantung kepada budi bicara pasukan audit yang berkaitan dimana beberapa perkara perlu diambilkira seperti: Keutamaan mengikut perkara-perkara yang memerlukan tindakan segera Perkara yang memerlukan peruntukan dan sebagainya.

3.5. PENYELARAS PERINGKAT NEGERI

AKTIVITI INI AKAN DISELARASKAN OLEH KETUA UNIT KESIHATAN PEKERJAAN & ALAM SEKITAR NEGERI YANG BERTANGGUNGJAWAB MENYEDIAKAN LAPORAN PENCAPAIAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN DAN JUGA BILA-BILA LAPORAN DIPERLUKAN.

3.6. LAPORAN MAKLUMBALAS DARI NEGERI

- Ketua Unit Kesihatan Pekerjaan & Alam Sekitar Negeri perlu menghantar salinan fotostat audit yang telah dijalankan kepada KKM setiap 6 bulan.

3.7. LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN AUDIT (Rajah 1)

- 3.7.1. Setiap negeri hendaklah menentukan sasaran tahunan dan mengenalpasti kemudahan kesihatan untuk dilakukan audit oleh pasukan audit negeri dan pasukan audit daerah.
- 3.7.2. Pasukan audit berkaitan perlu memaklumkan kepada pegawai penjaga kemudahan kesihatan yang telah dikenalpasti berkaitan lawatan dan membuat temujanji.
- 3.7.3. Lakukan audit dalam masa 2 minggu setelah temujanji dibuat. Audit dilakukan dengan menggunakan format OHU/Audit/BU (Lampiran 1) dan jika berkaitan format OHU/Audit/BM (Lampiran 3) atau OHU/Audit/BR (Lampiran 5) atau OHU/Audit/BV (Lampiran 7) perlu digunakan bersama. Sesalinan format OHU/Audit/BU (Lampiran 1) atau OHU/Audit/BM (Lampiran 3) atau OHU/Audit/BR (Lampiran 5) atau OHU/Audit/BV (Lampiran 7) yang lengkap dihantar dalam masa 2 minggu setelah audit dijalankan kepada Ketua PTJ: Pengarah/ Pegawai Kesihatan Daerah / Pegawai Yang Menjaga (Y/M) kemudahan kesihatan di mana audit telah dijalankan. Sesalinan Fotostat borang dihantar kepada Ketua Unit Kesihatan Pekerjaan & Alam Sekitar Negeri.
- 3.7.4. Tindakan seterusnya:
 - a) Ketua PTJ (Pengarah /Pegawai Kesihatan Daerah/ Pegawai Yang Menjaga (Y/M) hendaklah memaklumkan berkaitan keputusan audit dan juga cadangancadangan audit kepada pegawai yang bertanggungjawab ke atas kemudahan kesihatan yang berkaitan dalam masa 2 minggu untuk dijalankan langkahlangkah perbaikan awal dan tindakan susulan.
 - b) Setiap ketua pasukan audit (anggota yang terlatih dalam bidang kesihatan pekerjaan) hendaklah membuat verifikasi dan menentukan laporan audit yang lengkap dan betul sebelum ditandatangani. Ketua pasukan audit yang berkaitan juga hendaklah menentukan lawatan susulan yang akan dilakukan.
 - c) Laporan akhir dari daerah disediakan oleh pasukan audit daerah untuk ulasan ketua PTJ dan di hantar ke Ketua Unit Kesihatan Pekerjaan & Alam Sekitar Negeri dalam masa 2 minggu.
 - d) Ketua Unit Kesihatan Pekerjaan & Alam Sekitar Negeri akan membuat kompilasi dan analisa keputusan audit yang telah dijalankan oleh semua pasukan audit iaitu pasukan audit negeri & daerah.

3.7.8 KETUA UNIT KESIHATAN PEKERJAAN & ALAM SEKITAR NEGERI HENDAKLAH MENGHANTAR LAPORAN PENCAPAIAN AUDIT YANG TELAH DISAHKAN OLEH PENGARAH KESIHATAN NEGERI KE PERINGKAT KEMENTERIAN (U/P: UNIT KESIHATAN PEKERJAAN) SETIAP 6 BULAN SEKALI. LAPORAN AUDIT PERINGKAT DAERAH LAPORAN AUDIT PERINGKAT NEGERI LAPORAN AUDIT VERIFIKASI PERINGKAT NEGERI


4. IMPLIKASI PERUNTUKAN

Aktiviti pengauditan ini akan dijalankan secara dalaman (internal auditing). Oleh itu, implikasi dari segi kewangan adalah hanya melibatkan tuntutan perjalanan dan elaun makan/harian.

5. KESIMPULAN

- Sistem audit keselamatan dan kesihatan yang berkesan boleh mempertingkatkan tahap pengurusan keselamatan dan kesihatan sesuatu tempat kerja. Ini adalah kerana melalui sistem ini kekurangan/kelemahan dalam aspek keselamatan dan kesihatan dapat dikenalpasti dan tindaksusul boleh dibuat secara teratur. Organisasi yang mempunyai pengurusan keselamatan dan kesihatan yang baik boleh menjamin keselamatan dan kesihatan para pekerjanya serta juga orang-orang lain yang berkaitan. Sistem audit ini juga akan dapat memastikan tahap pelaksanaan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan selaras dengan peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

CARTA ALIR PELAKSANAAN AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI FASILITI KKM BAGI PASUKAN AUDIT PERINGKAT DAERAH



**TANAM SELASIH
SEKIAN,TERIMA KASIH.
JOM BALIK.....**